

## **Seminar Menjejak Personaliti Tingkat Penampilan Staf**



Kuantan, 22 Mei- Seramai 68 orang peserta yang terdiri daripada staf Setiausaha Pejabat dan Pembantu Tadbir hadir dalam Seminar Menjejak Personaliti, Mencetus Inspirasi anjuran Persatuan Setiausaha Universiti Malaysia Pahang (SRIKANDI) dengan kerjasama Bahagian Latihan Pembangunan Kompetensi (BLPK) di Hotel Vistana Kuantan baru-baru ini.

Program bertujuan meningkatkan tahap kemahiran staf dan memperkasa personaliti serta imej diri agar lebih berkarisma dalam pekerjaan. Seminar menampilkan personaliti TV, Amin Idris yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Principal Trainer di Amin Idris Consultant. Turut menceriakan seminar, selebriti Muslimah iaitu Nur Heliza Helmi yang lebih dikenali sebagai Heliza AF.



Menurut Presiden Persatuan SRIKANDI, Norliza Osman yang merupakan Setiausaha Pejabat di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik berkata, antara topik yang dibincangkan ialah Kuasa Matlamat, Magnet Diri dan Personaliti Muslimah.

"Peserta turut didekah tentang tanggungjawab sebagai pekerja terhadap institusi dan majikan, inovasi dan fokus dalam matlamat kehidupan. Lebih menarik seminar turut membicarakan tentang gaya penampilan dalam pemilihan warna pakaian mengikut lokasi dan kesesuaian majlis yang dapat dimanfaatkan peserta," katanya.



Beginu juga dengan slot Pesonaliti Muslimah yang disampaikan oleh Heliza juga banyak membantu peserta dalam berkongsi tentang tatacara pemakaian tudung mengikut syariat Islam serta mudah dipakai dalam masa 5 saat. Beliau juga turut berkongsi pengalaman tentang bidang kerjaya yang diceburinya serta menyampaikan motivasi dalam meningkatkan tahap keyakinan diri dan berjaya dalam bidang kerjaya yang dipilih.



Disediakan Oleh Norhayati Binti Ismail , Setiausaha Pejabat Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dan suntingan oleh Bahagian Komunikasi Korporat PNC.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 10-07-2015, 15:34:59